



MOHD. HASSAN MOHD. NOOR (belakang, empat dari kanan) bersama para pemenang dalam acara Explorace anjuran Kumpulan Utusan sempena Pesta Konvokesyen UPM Ke 42 di Serdang dekat Kuala Lumpur, semalam.

Xplorace meriahkan pesta konvo

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-42 turut dimeriahkan dengan pertandingan mencabar ketangkasan minda dan fizikal, Xplorace anjuran Utusan Melayu (M) Berhad di Dusun Humphrey, UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Acara yang bermula kira-kira pukul 12 tengah hari itu telah mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan kira-kira 150 peserta yang kemudian dibahagikan kepada 30 kumpulan.

Selain aktiviti luar, antara segmen yang termasuk dalam pertandingan itu adalah makan asam boi sambil menyanyi, musang berjanggut, petik daun berlainan jenis dan swafoto bersama

dengan buah-buahan nadir.

Eksekutif Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad (Utusan Melayu), Muhammad Izwan Ramlan berkata, penganjuran Xplorace merupakan antara pendekatan syarikat untuk mempromosikan akhbar terulung keluaran Utusan Melayu kepada warga kampus dan juga para pengunjung.

Katanya, gerai Utusan Melayu yang dibuka selama lima hari bermula Jumaat lalu turut mendapat sambutan hangat daripada orang ramai.

“Selain jualan produk Utusan Melayu seperti majalah dengan harga promosi, kita turut menyediakan beberapa aktiviti menarik seperti jualan baju T,

teka dan menang, karaoke santai, Meh Cer Celup! dan cabutan bertuah yang menjadi salah satu tarikan untuk para pengunjung,” katanya di sini.

Yang turut hadir, Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Hassan Mohd. Noor.

Pertandingan Xplorace menyaksikan pasukan COC muncul juara dengan membawa pulang wang tunai RM1,000, sijil penyertaan dan hadiah misteri.

Pemenang kedua hingga keempat pula memenangi wang tunai antara RM500 dan RM200 serta hadiah iringan manakala lima lagi kumpulan yang memenangi hadiah saguhati menerima produk eksklusif Utusan Malaysia.